

Peringatan : Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tandatangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai disekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal-soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

Banyak rungutan-rungutan telah diterima tentang soal-soal daripada penanya tidak berjawab. Orang-orang yang mendatangkan soal harap maklum bahawa setiap hari kadang-kadang lebih daripada dua puluh pertanyaan yang datang sedang majalah Qalam diterbitkan sebulan sekali dan dengan kerana itu maka jadilah yang dahulu di dahulukan mengikut gilirannya. Harap kiranya pembaca-pembaca maklum – Abu Al-Mokhtar:

-----\*-----\*-----

Wan Musa bin Harun, P. S. 7855 Depoh

Johor bertanya: Mengapa orang kita Islam jika malam tujuh likur memasang api hingga terang benderang di luar rumah dan di rumah juga – adakah disuruh oleh syarak atau dibuat dalam zaman Rasulullah dahulu.

Jawab: Tidak ada keterangan-keterangan yang menunjukkan ada pada zaman dahulu perbuatan yang demikian itu. Memasang lampu pelita dan sebagainya untuk menerangkan rumah, masjid dan jalan yang gelap pada setiap malam sangat mustahak tetapi berlebihan daripada semestinya itu dinamakan tabzir iaitu membelanjakan wang kepada yang sia sedang membelanjakan yang sia itu berdosa. Syarak tidak ada menyuruh perbuatan yang semacam itu dan demikian juga Rasulullah (SAW). Yang disuruh pada malam tujuh likur atau yang lazimnya pada malam 21 hingga 30 itu ialah berlebihan beribadat di dalamnya.

-----\*-----\*-----

Abdul Hamid bin Saad Pejabat Kastam Tanjung Surat

Johor bertanya: Dalam sebuah masjid umpamanya dalam Singapura



(Khas bagi Majalah Qalam – tidak dibenarkan kutip)

-----\*-----\*-----

pada lazimnya sesudah selesai sembahyang Jumaat diiringi dengan maadah (sembahyang Zohor) kerana berdekatan masjid, makmum apabila selesai sembahyang Jumaat terus balik, tidak mengerjakan maadah – apa hukumnya orang yang tiada mengerjakan maadah? (juga ada banyak pertanyaan seumpama itu didatangkan – P)

Jawab: Masalah ini telah dijawab dengan panjang di dalam majalah Qalam bilangan 12. Perkara mengadakan sembahyang Zohor lepas Jumaat itu sudah terang bidaah dan tidak ada suatu dosa seseorang yang meninggalkannya.

-----\*-----\*-----

Muhammad Ali Uthman, Batu Tujuh Sijangkang, Kuala

Langat bertanya: Apakah masalahnya perkara cerai (talak) di antara suami isteri itu dibenci oleh Allah Taala pada hal bercerai itu halal di sisi agama Islam?

Jawab: Allah meluluskan bercerai (talak) di antara suami isteri itu ialah oleh kerana menurut faham kita. Mengikut tabiat kejadian manusia perkahwinan (perkongasian hidup) itu diberi kelonggaran boleh diputuskan tetapi perbuatan memutuskan itu sangat dikeji oleh kerana, menurut pandangan kita, ialah perbuatan itu satu perbuatan yang tidak cukup insaf dan sabar terutamanya pula jika ada daripada kedua-dua perkongasian itu didapati tanggungjawab yang besar yakni ada anak, sudah tentu perpecahan itu membawa pula pengaruh kepada kehidupan dan keadaan kanak-kanak itu. Dengan sebab itu maka sesuatu perkahwinan

itu dikehendaki berkurang berlebih, maaf memaafi, pandai-pandai mengambil hati masing-masing pihak supaya aman kehidupan di rumah tangga yang dijadikan sebab menggalakkan tiap-tiap seorang berkahwin untuk menjauhkan perkara-perkara yang tidak digemari kalau ia bujang

-----\*-----\*-----

Abdul Samad bin Nazir, Sekolah Melayu, Bagan Serai, Perak bertanya: Apa hukumnya pada sisi agama orang-orang Melayu bersalaman-salaman di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahramnya?

Jawab: Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya):  
“Sesungguhnya aku tidak berjabat tangan dengan perempuan” –  
(hadith riwayat Malik, Tarmizi dan Nasa’i)

Aisyah berkata: “Tak pernah sekali-kali tangan Rasulullah (SAW) menyentuh tangan perempuan yang tidak halal baginya.”  
(hadith sahih riwayat Bukhari dan Muslim).

Ada beberapa hadith lagi yang menunjukkan tegahan atas berjabat tangan dengan perempuan yang tidak halal baginya. Rasulullah di dalam masa membuat perjanjian dengan sahabat-sahabat Ansar yang terkandung di dalamnya perempuan telah membuat “baiah” itu dengan perkataan tidak dengan berpegang tangan seperti yang dilakukannya kepada lelaki.

-----\*-----\*-----

Abdul Aziz bin Abdul Wahab, Pengkalan Pegoh, Lahat, Perak bertanya: Di antara tiga parti siasah yang dipimpin oleh tiga penganjur Melayu itu yang mana satu patut kita masuki UMNO-kah, Parti Kemerdekaan Melayu-kah atau PAS-kah?

Jawab: Sebelum dijawab soal-soal itu maka molek lebih dahulu di sini diterangkan bahawa di antara tiga buah parti itu yang mempunyai susunan dan tadbir yang baik nampaknya UMNO sahaja: Dan di dalam UMNO itu boleh dikata ahli-ahlinya terdiri daripada orang-orang Melayu dan dari satu ke suatu masa memperjuangkan hak-hak Melayu mengikut undang-undang tubuhnya. Dengan itu nampaknya ia adalah

terkemuka daripada tiga buah yang lain sementelah pula yang sebuah daripadanya nampaknya pengikut-pengikutnya yang terbanyaknya bukan daripada orang Melayu buktinya apabila penganjurnya balik daripada India memberi penerangan umum yang mendengar ucapannya. Khabarnya hampir-hampir seratus peratus orang-orang India sahaja – ini menunjukkan bahawa ia jauh daripada bangsanya sendiri.

Disebalik itu kalau pertanyaan ini di dasarkan kepada jalan agama dan melihat kepada perjalanan (amali) ketiga-tiga pertubuhan itu maka dapatlah kita katakan langkahnya terpesong daripada perjalanan agama bahkan jika daripada mereka itu bertujuan meletakkan nanti (apabila telah merdeka tidak memakai hukum agama Islam) hukum diluar daripada hukum Allah maka harus termasuklah mereka itu ke dalam golongan orang-orang kafir, zalim dan fasik, mengikut firman Allah di dalam surah Al-Maidah ayat 41,45 dan 47 dan banyak ayat-ayat lagi yang berkenaan dengan menunjukkan bahawa menghukum selain daripada hukum Allah itu tidak boleh dipercayai.

Kalau kita hendak mengikut seseorang yang menjadi ketua itu hendaklah daripada orang-orang yang beriman kerana yang demikian itu akan mendapat kemenangan yang nyata. Orang yang beriman itu sudah tentu menunaikan perintah-perintah Allah, tidak bongkak dan tidak teragu-ragu sebagaimana firmanNya di dalam surah Al-Maidah ayat 55 maksudnya: “ketua kamu tidak lain melainkan Allah dan Rasulnya dan orang-orang yang beriman mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat pada hal mereka merendahkan diri.” Sabda Rasulullah (SAW) – maksudnya: “dengar dan taatlah walaupun seseorang hamba dijadikan ketua atas kamu selama ia menjalankan (hukum) kitab Allah di antara kamu.”  
Hadith riwayat Ahmad, Muslim dan Tarmizi.

Ada banyak ayat-ayat yang memberi petunjuk kepada kaum muslimin tatkala melihat seseorang dijadikan ketua di antaranya firman Allah maksudnya: “Ingat! Kamu ini cinta kepada

mereka itu sedang mereka tidak cinta kepada kamu: Dan kamu percaya kepada semua (isi) Quran, sedang mereka itu apabila berjumpa kamu (hanya) mereka berkata: “kami beriman, tetapi apabila berpisah mereka gigit jari-jari mereka kerana geram bercampur benci kepada kamu” – surah Ali-Imran ayat 118.

Selain daripada itu ada beberapa banyak hadith-hadith yang menegah asas kebangsaan di antaranya sabda Rasulullah (SAW) maksudnya: “barang siapa terbunuh di bawah panji-panji kesesatan ia menyeru kebangsaan dan menolong kebangsaan maka yang demikian itu ialah bangkai jahiliah”. – hadith sahih riwayat Muslim.

Ada banyak keterangan-keterangan lagi yang menunjukkan bahawa kebangsaan itu menghukum selain daripada hukum Allah, bekerja selain daripada menegakkan agama Allah adalah sangat tidak disukai dan dicela. Mudah-mudahan dengan ini menjadi panduan kepada yang bertanya tentang memilih mana pertubuhan yang hendak dimasuki: dan kita hanya mengesyorkan bahawa sebaik-baik khidmat dan usaha itu ialah bekerja kerana menegakkan agama Allah dan dengan itulah sahaja pekerjaan yang berjaya.

-----\*-----\*-----

Muhammad Zain bin Haji Muhammad Yas, Parit Tanjung Jalan Bakri Batu 5 Muar bertanya: Apa hukuman seorang lelaki terpancang kepada perempuan yang bukan mahram yang di dalamnya terkayat pula hatinya berkenan kemudian tidak nikah. Mereka berpandangan-pandangan itu berturut-turut kali.

Jawab: Allah telah berfirman (maksudnya): “Katakanlah bahawa orang-orang mukmin lelaki menundukkan pandangan mereka ..... Katakanlah (suruhlah) perempuan-perempuan mukminat menundukkan pandangan mereka” (Al-Quran surah An-Nur ayat 31).

Ada beberapa hadith lagi yang menegah tentang berpandangan-pandangan di antara lelaki dan perempuan. Satu daripadanya – maksudnya: Ummu Salamah telah berkata: saya telah pernah duduk berhampiran

dengan Rasulullah (SAW) : di situ ada Maimunah binti Harith pada masa itu tiba Ibnu Ummu Maktum – yang demikian itu sesudah kami di perintah berhijab – lalu ia masuk ke rumah kami, maka Rasulullah (SAW) bersabda: “berlindunglah kamu daripadanya” kami berkata: “Ya Rasulullah – bukankah ia itu buta, tidak boleh melihat kepada kami? Rasulullah bersabda : “Apakah kamu berdua buta juga? Bukankah kamu berdua melihat kepadanya?”

Ada banyak lagi hadith-hadith tentang ini yang menunjukkan berpandangan-pandangan itu di antara lelaki dan perempuan sebagaimana yang di maksudkan oleh penyoyal itu adalah ditegah dengan keras. Sebab-sebabnya dapat kita perhati sendiri dan dapat kita lihat bukti-buktinya yang terang dan nyata membawa kepada fitnah yang bersangatan. Kita telah melihat sendiri bahawa pergaulan dan percampuran yang sedemikian itu membawa kepada kerosakan akhlak dan berencana kesudahannya.

-----\*-----\*-----

Muzalidin bin Mahmud, Jalan Sulaiman, Batu Pahat bertanya: Siang dan malam hati saya sentiasa terbangung kekasih saya telah puas saya hiburkan dengan berbagai-bagai kesukaan makin pula air mata saya bercucuran kerana terkenang budinya – apa patut saya buat kerana melupakannya?

Jawab: Lazimnya sesuatu itu akan menjadi ingatan-ingatan dan kenangan-kenangan jika fikiran dan perasaan kita sentiasa ditumpukan kepadanya. Dengan demikian maka hapuskanlah perasaan itu daripada fikiran kita dan buatlah yang demikian sebagai tidak ada sesuatu dan hadapkanlah segala perhatian dan tumpuan kepada pekerjaan-pekerjaan yang lain yang berfaedah supaya kita lengah daripada fikiran dan perasaan yang telah menggoda kita. Sebaik-baiknya apabila kuat sangat perasaan yang demikian itu buatlah sembahyang sunat dua rakaat memohon kepada Allah dilepaskan kita daripada bencana yang akan menimpa kita dan yang merungingkan segala perasaan dan fikiran kita itu. Hendaklah diingat bahawa jangan sekali-kali kita

bersunyi diri atau mengasingkan diri daripada pergaulan oleh kerana yang demikian akan menyuburkan lagi hidupnya khayal dan perasaan itu insyaallah dengan ini akan terhapus perasaan-perasaan itu.

-----\*-----\*-----

H. A. Hussin, Kampung Rambai, Kedah bertanya: Gambar yang tertera dalam majalah Qalam bilangan 11 muka 21 bersongkok hitam iaitu Engineer Suwaratu, Menteri Pertanian (Katolik) apakah agamanya?

Jawab: Engineer Suwaratu yang menjadi Menteri Pertanian dalam jemaah Menteri Doktor Sukiman dan sekarang menjadi Menteri Pekerjaan Umum dalam jemaah Menteri Wilupur yang gambarnya tertera pula dalam majalah Qalam bilangan 22 ialah daripada wakil pertubuhan Katolik Indonesia. Agamanya sudah terang ialah agama Roman Katolik (Kristian).

-----\*-----\*-----

Muhammad Kurdi Abdul Salam, Sungai Burung, Jalan Baharu, Parit Buntar, Perak bertanya: Seorang masuk masjid atau surau hendak sembahyang fardhu, di sana ada seorang sembahyang lalu diikutnya, alih-alih orang itu diketahuinya sembahyang sunat – adakah sembahyangnya sah atau tidak?

Jawab: Tidak. Seseorang yang hendak mengikut orang lain sembahyang dibelakangnya telah ditunjukkan kaedah-kaedahnya iaitu orang yang datang hendaklah bermakmum tadi hendaklah menyentuh dengan tangan kanannya bahu orang yang sedang sembahyang tadi. Apabila ia tidak memperkenankan sembahyangnya diikuti maka orang yang disentuh bahunya tadi akan menurunkan tangan kanannya sebagai satu tanda sembahyangnya jangan diikuti dibelakang

-----\*-----\*-----

Ahmad Umar, Geylang Serai bertanya: Bagaimana keterangannya dan hujah-hujahnya puasa dengan ru'yah dan puasa dengan hisab?

Jawab: Rasulullah (SAW) bersabda maksudnya: “Jangan kamu puasa hingga kamu melihat bulan dan jangan kamu

berhari raya hingga kamu melihat dia. Sekiranya gelap cuaca di pihak kamu hendaklah kamu gunakan perhitungan.”

Hadith sahih riwayat Bukhari.

Dengan keterangan inilah yang umum dipegang menentukan bahawa apabila hendak puasa maka hendaklah melihat bulan dan demikian juga apabila hari raya hendaklah melihat bulan dikecualikan jika cuaca gelap gunakanlah perhitungan.

Bagi mereka yang mengharuskan menggunakan hisab telah memberi hujah bahawa di dalam hadith itu ada memberi peluang apabila cuaca gelap hendaklah gunakan hitungan itu membenarkan bahawa hisab itu boleh digunakan untuk menentukan sehari bulan itu orang yang mengharuskan hisab ini berpendapatan bahawa Rasulullah (SAW) ada bersabda maksudnya: “Sesungguhnya kami ini suatu umat yang ummi. Kami tak tahu menulis dan menghitung. Bulan itu sekian dan sekian yakni 29 hari dan sebulan 30 hari.” – hadith sohih riwayat Bukhari.

Dengan pengakuan ini, menurut pendapat orang-orang yang menggunakan hisab, bahawa sebab-sebab yang menjadi hujah atasnya ialah bahawa dalam masa itu belum banyak umat yang boleh menghitung (falak) seperti keadaannya yang sekarang ini dan sebab itulah disuruh melihat bulan. Lagi pun di dalam amali yang dilakukan sekarang setengah-setengah ulama yang menguatkan hanya melihat bulan itu tatkala terbuka puasa mereka tidak mengikut penerangan dengan mata waktu gelincir matahari – mereka mengikut hisab yang menentukan matahari itu telah gelincir. Lagi pula menurut pendapat mereka bahawa Rasulullah (SAW) bersabda maksudnya: “Janganlah kamu mendahului bulan (puasa itu) hingga kamu melihat bulan atau kamu sempurnakan hitungan: Kemudian puasalah sehingga kamu melihat bulan atau kamu sempurnakan hitungan”. Hadith riwayat Nasaa’i.

Dengan keterangan-keterangan ini maka cara menetapkan sehari bulan puasa dan hari raya itu dengan hisab itu tidak dilarang bahkan diluluskan.